

CNS5602

U GB 05-12 00149 BA607

AAB

Mahathir - Kerjasama (Bergambar)

M'SIA AKAN KEKALKAN DASAR LIBERAL EKONOMINYA, KATA DR MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus mengekalkan dasar ekonomi dan program pembangunannya yang liberal.

"Dasar kami akan terus konsisten, boleh diramalkan dan jelas," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Simposium Kerjasama Perniagaan Lingkaran Pasifik, di sini.

"Bagi kami cabaran dalam menguruskan kejayaan adalah sama penting seperti menguruskan masalah semasa kemelesetan," kata beliau.

Oleh itu beliau yakin bahawa dengan langkah positif yang diambil oleh kerajaan setakat ini, Malaysia pada hari ini lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kemetosotan sinikal.

Selain daripada itu, katanya, Malaysia akan terus meningkatkan rizab simpanannya dan mempelbagaikan ekonominya supaya tidak terlalu bergantung kepada sektor tertentu sahaja, dan juga mencari pasaran baru bagi perkhidmatan dan produknya. -- Lagi.

▼05/12/22-29MST

U GB 05-12 00163 BA608

AAP

Mahathir - Kerjasama 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata itu juga ialah sebabnya mengapa 53 peratus perdagangan Malaysia hari ini ialah dengan negara-negara Asia Timur, yang satu ketika dahulu hampir keseluruhannya dengan Britain.

Mengenai situasi pasaran sejagat hari ini, beliau berkata adalah penting dan mustahak bagi negara-negara Asia Timur bekerjasama dengan lebih bersepadu walaupun mereka telah mencapai kejayaan yang luar biasa dan pertumbuhan yang kukuh dan mudah pulih.

Dalam konteks ini, Perdana Menteri menekankan mengenai perlunya negara-negara Asia Timur untuk terus mengukuhkan konsep Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang disifatkannya sebagai "konsisten dengan Gatt dan komited kepada perdagangan bebas."

"EAEC ialah hasil daripada dan bermatlamat untuk semangat serantau terbuka. Di satu pihak ia mengiktiraf perlunya bagi kerjasama serantau serta integrasi dan di satu pihak lagi ia menggalakkan perdagangan bebas," katanya.

Menurutnya, negara-negara Asia Timur mesti bekerja bersama-sama kerana keperluan bagi mengimbangkan kumpulan-kumpulan serantau di tempat lain adalah nyata. -- Lagi.

▼05/12/22-35MST

Mahathir - Kerjasama 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata, usaha sedemikian perlu diambil kerana tiada negara Asia, walau besar manapun pengaruhnya, boleh menandingi pengaruh kumpulan yang telah diwujudkan di Eropah dan Amerika Utara.

"EAEK sesuai bagi kerajaan-kerajaan Asia Timur yang mahu melihat negara mereka mencapai kejayaan ekonomi," katanya dan menambah kata bahawa ia juga baik bagi masyarakat perniagaan di rantau ini.

EAEK ialah susulan kepada interaksi ekonomi di Asia Timur dalam pasca Perang Dunia Kedua, katanya dan memberi jaminan bahawa tiada sesiapa perlu bimbang kepada satu kumpulan Asia.

Dc Mahathir berkata ini kerana negara-negara Asia Timur bukan sahaja berlainan daripada segi suku kaum tetapi juga daripada segi budaya, bahasa dan agama berbanding negara-negara Eropah dan Amerika Utara yang lebih seragam.

Mengenai transformasi ekonomi Malaysia dan kejayaan Asia Timur, beliau berkata ia tidak dicapai secara tidak sengaja atau oleh nasib semata-mata kerana ia merupakan satu usaha gigih yang disertai budaya kerja sesuai dengan kerharmonian industri dan daya produktiviti yang tinggi. -- Lagi.

CNS5606

U GB 05-12 00162 BAGJO

AAB

Mahathir - Kerjasama 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata negara-negara Asia Timur juga percaya kerajaan yang kukuh dan stabil merupakan antara ciri-ciri yang menjamin kejayaan kerana "kerajaan yang kukuh sanggup melaksanakan keputusan-keputusan yang tidak popular demi kepentingan negara."

Katanya, kerajaan yang kukuh dan stabil juga mengamalkan perancangan makro jangka panjang dan tidak terlalu memikirkan pilihan raya umum yang akan datang.

"Kerajaan yang kukuh menyediakan kestabilan yang sangat diperlukan untuk pelaburan jangka panjang," katanya dan menambah kata bahawa ini tidak bermaksud ketiadaan pilihan raya yang bebas dan demokratik.

Mengenai keadaan di Malaysia Perdana Menteri berkata negara ini stabil daripada segi sosial kerana walaupun rakyatnya berbeza budaya, agama dan falsafah, mereka menunjukkan sikap toleransi, persefahaman dan saling menghormati cara hidup masing-masing.

Katanya, walaupun rakyat Malaysia secara umumnya percaya kepada kompromi, "kita tidak bersikap demikian kerana kelemahan tetapi kerana keinginan bersama untuk melihat keamanan dan kemakmuran negara kita terus kekal." -- Lagi.

▼05/12/22-50MST

U GB 05-12 00208 BAGJJ

AAB

Mahathir - Kerjasama 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata Malaysia bernasib baik kerana mempunyai sektor swasta yang berkeupayaan serta bersedia mengambil risiko dan berusaha bersama dalam mencapai kemajuan ekonomi.

"Sektor swasta merupakan enjin utama pertumbuhan ekonomi Malaysia. Bersama-sama dengan prinsip makro ekonomi dan program kerajaan yang proaktif, konsep pensyacikatan Malaysia dan penswastaan, kita telah berjaya mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan hutang negara, mengurangkan peraturan dan membantu sektor swasta mengembangkan peranan mereka," katanya.

Katanya, kedua-dua sektor secara bersama-sama telah membuat pelaburan masa depan dengan memperuntukkan wang yang banyak untuk menyediakan infrastruktur serta pendidikan dan latihan yang bersesuaian dengan ekonomi berasaskan industri.

"Komitmen terhadap pelaburan dalam infrastruktur dan pembangunan sumber manusia telah memberikan kita kelebihan kompetitif yang kuat," kata beliau.

Mengenai simposium yang dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASII), International Infotrade Inc dari Amerika Syarikat dan Sabit Sdn Bhd itu, Dr Mahathir berkata beliau menyambut baik simposium itu kerana ia bertujuan menggalakkan kerjasama perniagaan serantau.

Yang turut hadir ialah isteri beliau Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik. -- Bernama.

JO PR A7.

005 12 22 00208